

Portal Metropoltan KL dilancar Mei ini

KUALA LUMPUR Ibu negara akan mempunyai portalnya sendiri yang akan dimuatkan dengan pelbagai maklumat yang diperlukan oleh warga kota, rakyat Malaysia dan juga pelancong asing.

Portal yang dinamakan portal Metropolitan Kuala Lumpur itu dijangka dilancarkan pada 18 Mei ini.

Menerusi alamat www.kul.com.my, portal itu akan direka bentuk supaya menjadi laman web pilihan utama kepada sesiapa sahaja yang mencari maklumat mengenai Kuala Lumpur.

Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Ab. Hakim Borhan berkata, portal itu akan mempunyai maklumat tentang bandar raya, pelancongan, teknologi, forum, pendidikan dan direktori.

"Portal ini akan memainkan peranan sebagai jenama yang penting dari segi ekonomi, sosial, pembangunan peniagaan dan hiburan serta pelancongan bagi bandar raya Kuala Lumpur," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas Majlis Menandatangani Perjanjian Persefahaman di antara Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan Synapse Technologies (M) Sdn. Bhd bagi membangunkan portal Metropolitan KL di Bangunan DBKL di sini kelmarin.

Turut hadir, Pengurus Synapse Technologies (M) Sdn. Bhd, Datuk Harun Datuk Md Sallehdan Ketua Pengarah DBKL, Datuk Salleh Yusup.

Ab. Hakim menambah, portal tersebut akan dilancarkan kepada umum sempena Kongres Teknologi Maklumat Sedunia (WCIT 2008) yang bakal dihoskan oleh bandaraya ini.

Katanya, kewujudan portal bandar raya yang komprehensif itu bakal menjadikan Kuala Lumpur setaraf dengan bandar raya-bandar raya utama dunia.

"Portal ini berperanan sebagai satu platform komunikasi untuk mempromosikan bandar raya Kuala Lumpur di mata dunia.

"Justeru itu, DBKL akan bekerjasama dengan Synapse Technologies (M) Sdn. Bhd, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) dan Multimedia Development Corporation (MDec) bagi memastikan pelajaran laman web tersebut berjalan lancar dan teratur," kata dia.

Dalam pada itu, Ab. Hakim memberitahu, aktiviti aktif itu akan dipantau lengkap rapi bagi mengekalkan sebarang penyampaian informasi yang melanggar undang-undang.